



Persuratan 3





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

PENULIS BUKU IBRANI TIDAK DIKETAHUI TETAPI YANG PASTI,
IA DITULIS UNTUK SUATU KOMUNITI ORANG YAHUDI...

IBRANI



...YANG SEGELINTIRNYA PERCAYA DAN SEGELINTIR
LAGI TIDAK PERCAYA KEPADA YESUS KRISTUS.



SURAT INI MEMBANDINGKAN
CARA LAMA UNTUK
MENGHADAPI TUHAN
MELALUI PARA IMAM DAN
KORBAN BAKARAN DENGAN
CARA YANG JAUH LEBIH BAIK.
ORANG PERCAYA KINI
MEMPUNYAI AKSES YANG
LANGSUNG KEPADA TUHAN
MELALUI KRISTUS.



PADA MASA LAMPAU, ALLAH
BERFIRMAN MELALUI NABI-NABI
DENGAN PELBAGAI CARA -
TETAPI SEKARANG DIA
BERFIRMAN KEPADA KITA
MELALUI ANAK-NYA.



ANAK ITU MENDAPAT KEDUDUKAN YANG JAUH LEBIH
TINGGI DARIPADA MALAIKAT, DAN NAMA-NYA JAUH LEBIH
TERHORMAT DARIPADA NAMA-NAMA MALAIKAT.



MALAIKAT ADALAH ROH YANG BERBAKTI
KEPADA ALLAH, DAN YANG DIUTUS
UNTUK MENOLONG ORANG YANG AKAN
MENERIMA PENYELAMATAN.

PERKHABARAN OLEH PARA MALAIKAT SUDAH TERBUKTI BENAR, DAN ORANG YANG TIDAK MENURUTINYA ATAU MENTAATINYA DIHUKUM – OLEH ITU, BAGAIMANAKAH KITA BOLEH SELAMAT, JIKA KITA TIDAK MEMPEDULIKAN PENYELAMATAN YANG AGUNG ITU?



MEMANG SUDAH PATUTNYA ALLAH, YANG MENCIPTAKAN SEGALANYA UNTUK KEMULIAANNYA, MENGIZINKAN YESUS MENDERITA SUPAYA DAPAT MEMBAWA BANYAK ORANG KE SYURGA.



PENDERITAAN YESUS MENJADIKAN DIA PEMIMPIN YANG SEMPURNA.


DIA, YESUS, MENJADI DARAH DAN DAGING SEPERTI KITA – HANYA DENGAN KEMATIAN-NYA DIA DAPAT MEMUSNAHKAN KUASA KEMATIAN IBLIS.



DIA TIDAK DATANG SEBAGAI MALAIKAT, TETAPI SEBAGAI MANUSIA – SEORANG YAHUDI. DIA HARUS MENJADI SPERTI SAUDARA-SAUDARA-NYA SUPAYA DAPAT MENJADI IMAM AGUNG YANG SETIA DAN BERBELAS KASIHAN.



OLEH ITU, SEKARANG DIA DAPAT MENOLONG MEREKA YANG MENDERITA DAN YANG KENA CUBAAN, KERANA DIA SENDIRI PERNAH DICUBAI DAN MENDERITA.



YESUS SETIA KEPADA ALLAH YANG SUDAH MEMILIH DIA, SEBAGAIMANA MUSA PUN SETIA MELAKUKAN TUGASNYA DI RUMAH ALLAH.



TETAPI YESUS LAYAK MENDAPAT KEMULIAAN YANG JAUH LEBIH BESAR DARIPADA MUSA SEPERTI MANA ORANG YANG MEMBINA SEBUAH RUMAH MENDAPAT KEHORMATAN YANG LEBIH BESAR DARIPADA RUMAH ITU SENDIRI.

MARILAH KITA BERHATI-HATI MENDENGAR SUARA-NYA SUPAYA HATI KITA TIDAK MEMBERONTAK KEPADA DIA, SEPERTI UMAT ISRAEL YANG MATI DI PADANG GURUN KERANA TIDAK MEMPERCAYAI DIA.



JANJI TUHAN MASIH TEGUH – DIA MAHU MENYELAMATKAN KITA – SAMA SEPERTI PADA ZAMAN MUSA.

NAMUN PERKABARAN INI SIA-SIA SAHAJA UNTUK ISRAEL KERANA MEREKA TIDAK MENYATUKANNYA DENGAN IMAN.



SEKARANG WAKTUNYA UNTUK MEMPERCAYAI TUHAN – JANGANLAH BERKERAS HATI SEPERTI MEREKA.

FIRMAN ALLAH ITU LEBIH TAJAM DARIPADA PEDANG BERMATA DUA, MENUSUK SAMPAI KE FIKIRAN DAN NIAT HATI MANUSIA – MENDEDAHKAN DIRI KITA YANG SEBENAR.



MEMANDANGKAN YESUS ITU IMAM AGUNG KITA YANG TELAH NAIK KE SYURGA DAN MEMAHAMI KELEMAHAN KITA, MARILAH KITA DENGAN PENUH KEBERANIAN MENGHADAP TAKHTA ALLAH, KERANA DI SITU RAHMAT-NYA MELIMPAH.



SEORANG IMAM AGUNG HANYALAH SEORANG MANUSIA BIASA, TETAPI DIA TERPILIH DARIPADA KALANGAN UMAT UNTUK MENGABDIKAN DIRI KEPADA ALLAH SEBAGAI WAKIL MEREKA.

TIADA SEORANG PUN YANG BOLEH MENGANGKAT DIRI MENJADI IMAM AGUNG - HANYA DENGAN PANGGILAN ALLAH



DEMIKIAN JUGA, KRISTUS TIDAK MEMPERMULIAKAN DIRI-NYA SENDIRI MENJADI IMAM AGUNG - DIA DIPILIH ALLAH.

ALLAH BERFIRMAN KEPADA-NYA, "ENKAULAH ANAK-KU; PADA HARI INI AKU MENJADI BAPA-MU."



JANGANLAH KITA ASYIK MENGULANGI AJARAN ASAS TENTANG KRISTUS.

MARILAH KITA MENDALAMI PERKARA YANG LEBIH BESAR DAN MENJADI DEWASA DALAM PEMAHAMAN KITA.



TUHAN TELAH MEMBERIKAN JANJI-NYA KEPADA KITA DAN MUSTAHIL BAGI TUHAN UNTUK BERDUSTA.



HARAPAN PENYELAMATAN KITA ITU SEPERTI SAUH BAGI JIWA KITA, DAN MENGHUBUNGKAN KITA KEPADA TUHAN DI SEBALIK TIRAI BILIK MAHA SUCI DI RUMAH TUHAN DI SYURGA, DI MANA YESUS TELAH MENDAHULUI KITA SEBAGAI IMAM AGUNG.



IMAM MELKISEDEK
IALAH RAJA SALEM
DAN IMAM ALLAH YANG
MAHA TINGGI.

ABRAHAM MEMBERI KEPADA
TUHAN SEPERSEPULUH
DARIPADA SEGALA APA YANG
DIRAMPASNYA SETELAH
MEMENANGI PEPERANGAN -
DAN MELKISEDEK
MEMBERKATI DIA.

TETAPI APABILA TUHAN MENGUTUS SEORANG IMAM LAIN,
PERATURAN YANG LAMA TELAH DIBATALKAN.

KRISTUS TIDAK MENJADI IMAM DENGAN MENURUT HUKUM
ATAU PERATURAN, TETAPI BERDASARKAN HIDUPNYA YANG
BERKUASA DAN TIDAK BERKESUDAHAN.



YESUS HIDUP SELAMA-LAMANYA DAN
TUGAS-NYA SEBAGAI IMAM TIDAK PERLU
BERALIH KEPADA ORANG LAIN. DIA DAPAT
MENYELAMATKAN SEMUA YANG DATANG
KEPADA ALLAH MELALUI-NYA.



YESUSLAH IMAM AGUNG YANG KITA
PERLUKAN - DIA SUCI DAN TANPA DOSA.

DIA TIDAK MEMERLUKAN KORBANAN DARAH HAIWAN - DIA
MENGHABISKAN SEMUA KORBANAN, PERTAMA SEKALI UNTUK
DOSANYA SENDIRI DAN KEMUDIAN UNTUK DOSA UMAT.

KRISTUS, BERTUGAS SEBAGAI IMAM AGUNG DI BILIK MAHA SUCI, DI DALAM KHEMAH TUHAN YANG SEJATI DAN YANG DIDIRIKAN OLEH TUHAN, BUKAN OLEH MANUSIA.

DI BAWAH SISTEM YANG LAMA, HADIAH DAN KORBAN DIPERSEBAHKAN, NAMUN SEMUA ITU GAGAL MENYUCIKAN HATI MANUSIA YANG MEMBAWANYA.

SEMUA HUKUM INI BERLAKU SEHINGGA YESUS DATANG DENGAN CARA TUHAN YANG BARU DAN LEBIH BAIK.

KORBAN BAKARAN YANG DIPERSEBAHKAN-NYA ADALAH JAUH LEBIH MULIA DARI YANG DIPERSEBAHKAN OLEH IMAM-IMAM DI DUNIA.

PERJANJIAN LAMA TIDAK BERKESAN. OLEH ITU IA DIGANTIKAN DENGAN PERJANJIAN BARU.

KRISTUS ADALAH IMAM AGUNG BAGI SISTEM YANG BARU INI.

DIA MASUK KE RUANG MAHA KUDUS DAN MEMERCIKKAN DARAH-NYA SENDIRI DI ATAS PENUTUP TABUT.

KRISTUS DIPERSEBAHKAN SEBAGAI KORBAN SATU KALI SAHAJA UNTUK MENGHAPUSKAN DOSA BANYAK ORANG.

DIA AKAN DATANG LAGI UNTUK MENYELAMATKAN ORANG YANG MENANTIKAN DIA.

HUKUM YAHUDI TIDAK PERNAH MAMPU MENYELAMKAN SESIAPA YANG HIDUP DI BAWAH PERATURAN MEREKA.

KORBAN-KORBAN YANG DIPERSEBAHKAN TAHUN DEMI TAHUN ITU MENGINGATKAN ORANG AKAN DOSA MEREKA, KERANA DARAH LEMBU JANTAN DAN KAMBING TIDAK DAPAT MENGHAPUSKAN DOSA.

ITULAH SEBABNYA KRISTUS BERKATA, "ENKAU TIDAK MENGHENDAKI KORBAN DAN PERSEBAHAN, TETAPI ENKAU SUDAH MENYEDIAKAN TUBUH BAGI-KU.

AKU DATANG UNTUK MELAKUKAN KEHENDAK-MU, SEPERTI YANG TERTULIS DI DALAM KITAB TAURAT."

MARILAH KITA SALING MEMBERIKAN DORONGAN UNTUK MENGASIHI SATU SAMA LAIN DAN MELAKUKAN HAL YANG BAIK.

JANGANLAH KITA HENTIKAN KEBIASAAN BERKUMPUL BERSAMA-SAMA UNTUK MENGGALAKKAN SATU SAMA LAIN.

SESIAPA YANG SENGAJA BERDOSA DENGAN MENOLAK KRISTUS SETELAH MEMPELAJARI KEBENARAN TENTANG PENGAMPUNAN, DOSA ITU TIDAK DITUTUP OLEH KEMATIAN KRISTUS.

YANG MENANTIKAN MEREKA ADALAH HUKUMAN YANG NGERI DARI KEMURKAAN ALLAH YANG AKAN MEMUSNAHKAN SEMUA MUSUH-NYA.



BERIMAN BERERTI YAKIN SINGGUAH-SINGGUAH AKAN PERKARA-
PERKARA YANG DIHARAPKAN, DAN MEMPUNYAI KEPASTIAN AKAN
PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DAPAT KITA LIHAT.

KERANA BERIMAN, NENEK MOYANG
KITA DIPERKENANKAN OLEH ALLAH.

KERANA IMAN, HABEL
MEMPERSEBAHKAN
KORBAN YANG LEBIH BAIK
DARIPADA KORBAN YANG
DIPERSEBAHKAN OLEH
KAIN KEPADA ALLAH.

KERANA IMAN, HENOKH
TIDAK MATI TETAPI
DIANGKAT DAN DIBAWA
KEPADA ALLAH.

KERANA BERIMAN, YAKUB
MEMBERKATI SETIAP ANAK YUSUF
SEBELUM YAKUB MENINGGAL.

KERANA BERIMAN, IBU BAPA
MUSA MENYEMBUNYIKAN DIA
DAN MENENTANG TITAH FIRAUN.

KERANA BERIMAN, MUSA
TIDAK MAHU DILAYANI
SEBAGAI ANAK DIRAJA DAN
MENDERITA BERSAMA-SAMA
UMAT ALLAH DARIPADA
MENIKMATI KESENYANGAN
HIDUP BERDOSA.



KERANA BERIMAN,
ABRAHAM MENTAATI
ALLAH YANG
MENYURUHNYA PERGI
KE NEGERI LAIN.

KERANA IMAN, NUH
MENDENGARKAN
AMARAN ALLAH LALU
MEMBINA SEBUAH
BAHTERA SEBELUM
ADA TANDA-TANDA
KEBANJIRAN.

KERANA
BERIMAN,
SARA MENJADI
SEORANG IBU
WALAUPUN
SUDAH TUA.

KERANA IMAN, ORANG-ORANG
MENGALAHKAN NEGERI-
NEGERI, MEMERINTAH DENGAN
BAIK DAN MENERIMA APA YANG
DIJANJIKAN OLEH ALLAH.

ADA PULA YANG DICAMBUK,
DIPENJARAKAN, DIREJAM,
DAN ADA YANG DIPOTONG
MENJADI DUA DENGAN
GERGAJI TETAPI TIDAK
MENYANGKAL IMAN MEREKA.

KITA ADA BANYAK SAKSI DI SEKELILING. OLEH ITU, MARILAH KITA BUANG SEGALA HALANGAN SERTA DOSA YANG BERPAUT PADA KITA DAN MARILAH KITA TEMPUH PERLUMBAAN DI HADAPAN KITA DENGAN TEKUN.



PANDANGAN KITA HENDAKLAH TERTUMPU KEPADA YESUS, PEMIMPIN DAN PEMBIMBING KITA.



DIA RELA MATI DALAM KEADAAN YANG MEMALUKAN, DEMI KEGEMBIRAN YANG MENANTIKAN-NYA - SEKARANG DIA DUDUK DI SEBELAH KANAN TAKHTA ALLAH.

BAPA KITA DI DUNIA MENGHUKUM KITA MENURUT APA YANG DIRASAKAN BAIK OLEH MEREKA. TETAPI ALLAH MENGHUKUM KITA UNTUK KEBAIKAN KITA SENDIRI, SUPAYA KITA MENJADI SUCI SEPerti DIA.

KESANNYA, KITA BERTUMBUH DALAM RAHMAT DAN KARAKTER KITA.




JANGANLAH SESIAPA PUN LAKUKAN PERBUATAN CABUL ATAU LALAI SEPerti ESAU YANG MENJUAL HAKNYA SEBAGAI ANAK SULUNG DEMI SEMANGKUK MAKANAN.

WALAU DIA MEMOHON SUPAYA HAK ITU DIKEMBALIKAN, PERMINTAANNYA DIA DITOLAK.

SEMOGA ALLAH SUMBER KESEJAHTERAAN ITU MELENGKAPI KAMU DENGAN SEGALA PERKARA BAIK YANG KAMU PERLUKAN UNTUK MELAKUKAN KEHENDAK-NYA.

HENDAKLAH KRISTUS DIMULIAKAN SELAMALAMANYA! AMIN.





SURAT YAKOBUS DITULIS SEKITAR 44-49M, MENJADIKAN-
NYA BUKU YANG PERTAMA DALAM PERJANJIAN BARU.

PENULISNYA YAKOBUS – ABANG TIRI YESUS,
DAN ABANG KEPADA YUDAS.



DIA JUGA DIKENALI SEBAGAI YAKOBUS YANG
ADIL KERANA SEMANGATNYA UNTUK HIDUP
DALAM KEKUDUSAN DAN SUPAYA PARA
PENGIKUT YESUS BERJALAN DALAM KETAATAN.



SURAT DARI YAKOBUS INI DITUJUKAN KEPADA ORANG PERCAYA
BERBANGSA YAHUDI YANG TERCERAI-BERAI AKIBAT PENGANIAYAAN,
MUNGKIN SEKALI OLEH HERODES AGRIPA I.

“KEPADA SEMUA DUA BELAS
SUKU, YANG TERCERAI-CERAI
DI SELURUH DUNIA.”



“ANGGAPLAH DIRI KAMU BERBAHAGIA
MENGALAMI CUBAAN DAN TETAP PERCAYA -
KAMU TABAH MENANGGUNG PENDERITAAN.”

“TETAPLAH BERSABAR DAN TABAH SUPAYA
KAMU BERSEDIA UNTUK APA PUN SERTA
MENJADI SEMPURNA DAN TIDAK KEKURANGAN
SESUATU PUN.”

"BERDOALAH KEPADA ALLAH UNTUK KEBIJAKSANAAN, KERANA ALLAH BERI DENGAN MURAH HATI DAN DENGAN SUKACITA KEPADA SETIAP ORANG."

"TETAPI APABILA KAMU BERDOA JANGANLAH RAGU-RAGU, SEPERTI OMBAK DI LAUT YANG DIUMBANG-AMBIKANG ANGIN."



"BERBAHAGIALAH ORANG YANG BERJAYA MENGATASI GODAAN, MEREKA AKAN MENERIMA PAHALA DARI-NYA."

"JIKA SESEORANG TERGODA, ITU BUKAN DATANGNYA DARIPADA ALLAH - ALLAH SENDIRI TIDAK MENGGODA ORANG."



"ORANG KRISTIAN YANG MISKIN HARUSLAH GEMBIRA APABILA ALLAH MENINGGIKAN MEREKA."

"ORANG KRISTIAN YANG KAYA HARUSLAH GEMBIRA APABILA ALLAH MERENDAHKAN MEREKA, KERANA ORANG KAYA AKAN LENYAP SEPERTI BUNGA RUMPUT."



"LEBIH BAIK CEPAT MENDEGAR, TETAPI LAMBAT BERKATA-KATA, DAN LAMBAT NAIK MARAH KERANA ORANG YANG MARAH TIDAK DAPAT MELAKUKAN PERKARA YANG MENYENANGKAN HATI ALLAH."



"BAGI ALLAH INILAH IBADAT YANG MURNI DAN SEJATI: MENOLONG ANAK YATIM PIATU DAN BALU, SERTA TIDAK MENCEMARI DIRI DENGAN KEJAHATAN DUNIA."



"JIKA SESEORANG KRISTIAN TIDAK MENGAWAL LIDAHNYA, MAKA IBADATNYA SIA-SIA DAN DIA MENIPU DIRINYA SENDIRI."



"SEBAGAI ORANG YANG PERCAYA KEPADA TUHAN YESUS KRISTUS, JANGANLAH BEZA-BEZAKAN ORANG BERDASARKAN HARTA MEKKA."

"JIKA KAMU HANYA MENGHORMATI DAN MELAYANI ORANG KAYA, MAKA KAMU BERDOSA."



"ALLAH SUDAH MEMILIH ORANG MISKIN DI DUNIA INI MENJADI ORANG YANG KAYA DALAM IMAN."

"TIDAKKAH KAMU SEDAR ORANG KAYALAH YANG MENINDAS KAMU DAN YANG MENYERET KAMU KE HADAPAN HAKIM, DAN MENGHINA YESUS KRISTUS?"



"APA GUNANYA SEORANG KRISTIAN MENGAKU IMANNYA JIKA DIA TIDAK BAIK DALAM PERBUATANNYA? DAPATKAH IMAN SEMACAM ITU MENYELAMATKAN DIA?"

"JIKA IMAN TIDAK DINYATAKAN DENGAN PERBUATAN BAIK, IMAN ITU SIA-SIA!"



"MASIH ADAKAH DI ANTARA KAMU YANG MENGATAKAN BAHAWA 'HANYA DENGAN PERCAYA' ITU CUKUP?"

"KAMU PERCAYA ALLAH HANYA SATU? ROH-ROH JAHAT JUGA - DAN MEKKA GEMENTAR!"



"ALLAH BERKENAN KEPADA RAHAB, WANITA PELACUR ITU KERANA DIA MENYAMBUK PENGINTIP-PENGINTIP ISRAEL DAN MENOLONG MEKKA MELARIKAN DIRI MELALUI JALAN LAIN."



YAKOBUS 2



"OLEH ITU, SEBAGAIMANA TUBUH TANPA ROH ADALAH TUBUH YANG MATI, DEMIKIAN JUGA IMAN TANPA PERBUATAN ADALAH IMAN YANG SIA-SIA!"

"JANGAN TERLALU ASYIK MENEGUR KESALAHAN ORANG, KERANA KITA SEMUA SERING MEMBUAT KESALAHAN."

"JIKA SESEORANG BOLEH MENGAWAL KATA-KATANYA, DIA ORANG YANG SEMPURNA DAN MENGUASAI SELURUH DIRINYA."




"KITA MEMASANG KEKANG PADA MULUT KUDA KITA DAPAT MENGAWAL KUDA DAN KAPAL YANG BESAR DIKENDALIKAN OLEH KEMUDI YANG SANGAT KECIL."

"DEMIKIANLAH LIDAH KITA YANG KECIL, TETAPI DAPAT MENYOMBONGKAN PERKARA-PERKARA YANG BESAR."



"MANUSIA DAPAT MENJINAKKAN PELBAGAI BINATANG DAN BURUNG TETAPI TIDAK SEORANG PUN DAPAT MENJINAKKAN LIDAH MANUSIA."

"UCAPAN SYUKUR DAN KATA-KATA KUTUKAN KELUAR DARI MULUT YANG SAMA - INI TIDAK PATUTI!"



"JIKA KAMU BIJAK, BUKTIKAN DENGAN KELAKUANNYA YANG BAIK, DAN MELALUI KEBAIJIKAN YANG DIAMALKANNYA DENGAN KERENDAHAN HATI DAN KEBIJAKSANAAN."



"SIKAP IRI HATI DAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI BUKANLAH KEBIJAKSANAAN DARI TUHAN, TETAPI DARI DUNIA, TABIAT MANUSIA BERDOSA DAN ROH JAHAAT."


"KEBIJAKSANAAN SYURGAWI ITU MURNI, SUKA AKAN KEDAMAIAN, LEMAH LEMBUT, DAN RAMAH TAMAH. MEREKA BERBELAS KASIHAN DAN MENGAMALKAN PERBUATAN BAIK."






"DARI MANAKAH DATANGNYA SEMUA PERKELAHIAN DAN PERTENGKARAN - DARI KEINGINAN JAHAT?"

"KAMU TIDAK MENDAPAT KERANA KAMU TIDAK MEMINTANYA DARIPADA ALLAH - TETAPI APABILA KAMU MEMINTANYA, TUJUAN KAMU JAHAT."



"TIDAKKAH KAMU TAHU BAHAWA ORANG YANG BERSAHABAT DENGAN KEINGINAN JAHAT DUNIAWI MENJADI MUSUH ALLAH?"

"ALLAH MENENTANG ORANG SOMBONG, TETAPI DIA MERAHMATI ORANG YANG RENDAH HATI."



"OLEH ITU, TAATLAH KEPADA ALLAH. LAWANLAH IBLIS, MAKA IBLIS AKAN LARI DARIPADA KAMU."

"HAMPIRILAH ALLAH, DAN ALLAH PUN AKAN MENGHAMPIRI KAMU."



"KAMU YANG BERKATA, 'HARI INI ATAU ESOK KAMI AKAN BERNIAGA DAN Mencari WANG.'"

"KAMU PATUT BERKATA, 'JIKA DIPERKENANKAN TUHAN, KAMI AKAN HIDUP DAN MELAKUKAN INI ATAU ITU.'"

"HAI ORANG KAYA - MENANGIS DAN MERATAPLAH, KERANA KESENGSARAAN AKAN MENIMPA KAMU!"

"HIDUP KAMU DI DUNIA INI PENUH DENGAN KEMEWAHAN DAN KESENYANGAN. KAMU SEOLAH-OLAH MENGGEMUKKAN DIRI UNTUK HARI PENYEMBELIHAN."



"SAUDARA-SAUDARAKU, JANGANLAH BERSUMPAH DEMI LANGIT ATAU BUMI, ATAUUPUN APA SAHAJA. KATAKANLAH DENGAN JUJUR "YA" ATAU "TIDAK" SUPAYA KAMU TIDAK BERDOSA DAN DIHUKUM."



"JIKA SESIAPA SEDANG MENGALAMI KESUSAHAN - HENDAKLAH DIA BERDOA."

"SESIAPA YANG BERSUKACITA HENDAKLAH MENYANYIKAN LAGU PUJIAN KEPADA ALLAH."



"SESIAPA YANG SAKIT HENDAKLAH MEMANGGIL PARA PEMIMPIN JEMA'AH UNTUK BERDOA BAGINYA SERTA MENYAPUKAN MINYAK ZAITUN PADANYA DEMI NAMA TUHAN UNTUK KESEMBUHAN."

"HENDAKLAH KAMU SALING MENGAKUI KESALAHAN DAN SALING MENDOAKAN, SUPAYA KAMU DISEMBUHKAN."



"DOA ORANG YANG MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH MEMPUYAI KUASA YANG BESAR."

"JIKA SEORANG ANTARA KAMU SESAT, LALU YANG LAIN MEMIMPIN DIA KEMBALI KEPADA ALLAH, JIWA ORANG BERDOSA ITU DISELAMATKAN DARIPADA KEMATIAN DAN BANYAK DOSA DIAMPUNKAN."



PADA 64M, KOTA ROMA TELAH MENGALAMI KEBAKARAN BESAR – BANYAK ORANG ROMA PERCAYA INI DICETUS OLEH NERO UNTUK MENGEMBANGKAN KUASA.

I, II PETRUS

BANYAK SEKALI ORANG ROMA YANG MATI DAN KEHILANGAN TEMPAT TINGGAL.

NERO TELAH MENLENCONGKAN KEMARAHAN RAKYAT...

SEBARKAN BAHAWA ORANG KRISTIAN YANG MELAKUKANNYA – BUKANKAH MEREKA MENGAJAR BAHAWA DUNIA INI AKAN DIMUSNAHKAN API.

DEMIKIANLAH BERMULANYA PENGANIAYAAN TERHADAP PENGIKUT KRISTUS SELAMA 200 TAHUN.

SURAT RASUL PETRUS INI DITUJUKAN KEPADA ORANG KRISTIAN YANG TERCERAI-CERAI UNTUK BERKONGSI CARANYA MENEMPUH PENENTANGAN DAN CARA HIDUP DI DUNIA INI.

"KEPADA UMAT ALLAH, YANG TERCERAI-CERAI DI SELURUH DAERAH PONTUS, GALATIA, KAPADOKIA, ASIA, DAN BITINIA – ALLAH BAPA TELAH MEMILIH KAMU SEJAK LAMA DAN TAHU BAHAWA KAMU AKAN MENJADI ANAK-ANAKNYA."

"SEMUA KESUSAHAN INI BERTUJUAN UNTUK MEMBUKTIKAN KETEGUHAN DAN KETULUSAN IMAN KAMU."

"EMAS PUN DIUJI DAN DIMURNIKAN DENGAN API – BAGI TUHAN, IMAN KAMU JAUH LEBIH BERTARAF DARI PADA EMAS."

"GANJARAN TERBESAR KERANA PERCAYA KEPADA-NYA ADALAH KESELAMATAN JIWAMU."

"PENYELAMATAN INI TIDAK DIFAHAMI SEPENUHNYA OLEH PARA NABI."

"BUANGKANLAH PERASAAN
BENCI DARI HATIMU."

"JANGANLAH BERDUSTA DAN
BERPURA-PURA. JANGANLAH IRI
HATI DAN MENFITNAH ORANG."



"DATANGLAH KEPADA KRISTUS,
IAITU BATU LANDASAN YANG HIDUP,
UNTUK PEMBINAAN TUHAN."

"DAN SEKARANG KAMU MENJADI BATU
BINAAN YANG HIDUP BAGI TUHAN UNTUK
MEMBINA RUMAH-NYA."

"KAMU BANGSA YANG TERPILIH -
IMAM-IMAM YANG MENGABDIKAN
DIRI KEPADA RAJA."

"RUMAH SEBENARNYA ADA DI SYURGA.
OLEH ITU, JANGANLAH MENURUTI HAWA
NASFU MANUSIA, YANG SENTIASA
BERLAWANAN DENGAN JIWA."




"ALLAH MAHU KAMU MELAKUKAN PERBUATAN
BAIK SUPAYA ORANG YANG BERCAKAP BODOH
TIDAK BERPELUANG MEMFITNAH KAMU."

"HORMATILAH SEMUA ORANG. TAKUTLAH AKAN ALLAH,
DAN HORMATILAH PEMERINTAH."



"ALLAH MEMANGGIL KAMU, KERANA KRISTUS SENDIRI SUDAH MENDERITA UNTUK
KAMU, DAN MENJADI TELADAN, SUPAYA KAMU MENGIKUT JEJAK-NYA."

"KRISTUS SENDIRI MEMIKUL DOSA KITA PADA TUBUH-NYA
DI KAYU SALIB, SUPAYA KITA BEBAS DARI KUASA DOSA -
LUKA-LUKANYA TELAH MENYEMBUHKAN KAMU!"





"ISTERI-ISTERI HARUS TAAT KEPADA SUAMI,
SUPAYA SUAMI KAMU YANG TIDAK PERCAYA
KEPADA FIRMAN ALLAH AKAN DIMENANGKAN
OLEH KELAKUAN KAMU."

"JANGANLAH KECANTIKAN
KAMU BERGANTUNG KEPADA
HIASAN RAMBUT, BARANG KEMAS,
ATAUPUN PAKAIAN TETAPI DENGAN
BATIN YANG MURNI, BUDI PEKERTI
YANG LEMBUT, DAN TENANG."

"SUAMI-SUAMI HARUS HIDUP DENGAN
ISTERI KAMU DENGAN PENUH
PENGERTIAN, DAN PERLAKUKANLAH
MEREKA DENGAN HORMAT SEBAGAI KAUM
YANG LEBIH LEMAH DAN JUGA WARIS
KEHIDUPAN KEKAL DARIPADA ALLAH -
SUPAYA DOA KAMU TIDAK TERHALANG."

"JIKA KAMU INGIN MENIKMATI
HIDUP YANG BAHAGIA,
JAGALAH LIDAHMU DAN
BIBIRMU DARI DUSTA."

"JANGANLAH BERBUAT JAHAT
TETAPI LAKUKAN YANG BAIK."



"KERANA KRISTUS SUDAH MENANGGUNG PENDERITAAN SECARA JASMANI, KAMU JUGA MESTI MENGUATKAN DIRI DENGAN PENDIRIAN SEPERTI ITU."

"KAMU SUDAH CUKUP LAMA HIDUP DENGAN TIDAK SENONOH, MENURUTI HAWA NAFSU, PEMABUK, BERPESTA LIAR, DAN MENYEMBAH BERHALA."

PAAAKKK

"TEMAN LAMA KAMU AKAN HAIRAN APABILA KAMU TIDAK LAGI HIDUP SEPERTI MEREKA. TETAPI MEREKA HARUS MENGHADAPI TUHAN YANG MENGHAKIMI ORANG HIDUP DAN MATI."



"TIDAK LAMA LAGI DUNIA AKAN BERAKHIR. OLEH ITU, KAMU HARUS MENGAWAL DIRI, BERWASPADA, DAN BERDOA."



"BERBAHAGIALAH KAMU JIKA KAMU DIHINA KERANA MENGIKUT KRISTUS KERANA INI BERERTI BAHAWA ROH ALLAH YANG MULIA ADA PADA KAMU."

"JIKA KAMU MENANGGUNG PENDERITAAN MENURUT KEHENDAK ALLAH, TERUSKAN BERBUAT BAIK DAN BERSERAH KEPADA PENCIPTAMU."

"SAHABAT-SAHABATKU, JANGANLAH HAIRAN AKAN PENDERITAAN YANG BERAT DAN JANGANLAH ANGGAH PERKARA ITU LUAR BIASA."

"SEBALIKNYA, BERSYUKURLAH KERANA KAMU MENANGGUNG PENDERITAAN BERSAMA-SAMA KRISTUS."



"KEPADA PARA PEMIMPIN JEMAAH - JUGA
PEMIMPIN JEMAAH - DAN AKU SUDAH
MENYAKSIKAN PENDERITAAN KRISTUS."

"JAGALAH JEMAAH ALLAH DENGAN SENANG HATI
BUKAN DENGAN BERAT HATI - BUKAN HANYA UNTUK
MENDAPAT UPAH, TETAPI KERANA KAMU
SUNGGUH-SUNGGUH INGIN MELAYANI TUHAN."



"ORANG MUDA, HENDAKLAH KAMU TAAT
KEPADA ORANG YANG LEBIH TUA DAN
MELAYANI DENGAN RENDAH HATI."

"RENDahkanlah HATI KAMU KE BAWAH
TANGAN ALLAH YANG BERKUASA, SUPAYA DIA
MENINGGIKAN KAMU PADA MASA YANG
DITETAPKAN-NYA."

"BERJAGA-JAGALAH DAN BERWASPADALAH,
KERANA IBLIS, MUSUH KAMU ITU MERAYAU-RAYAU
SEPERTI SINGA YANG MENGAUM Mencari MANGSA."


"SETELAH KAMU MENANGGUNG PENDERITAAN
UNTUK SEMENTARA WAKTU, ALLAH SENDIRI
AKAN MENYEMPURNAKAN KAMU."



"DIA AKAN MENEGAKKAN, MENGUTAKAN,
DAN MENGUKUHKAN KAMU."

"JEMAAH DI ROMA MENGIRIM SALAM
MEREKA KEPADA KAMU."






KETIKA DIPENJARA SEBELUM KEMATIANNYA DI TANGAN NERO, PETRUS MENULIS SURAT KEDUA.

PETRUS BIMBANG AKAN AJARAN GURU-GURU PALSU DAN MEMERANGI PERBUATAN CABUL AKIBAT AJARAN MEREKA.

"SAUDARA-SAUDARAKU, BERUSAHALAH LEBIH KERAS LAGI SUPAYA PANGGILAN ALLAH DAN PILIHAN-NYA ATAS DIRI KAMU ITU MENJADI SUATU PENGALAMAN YANG KEKAL."



SAUDARA-SAUDARAKU,

BERUSAHALAH LEBIH KERAS LAGI
SAYA PANGGILAN ALLAH D
A ATAS DIRI KAM
SUATU PENGAL

"TUHAN KITA YESUS KRISTUS TELAH MEMBERITAHU AKU BAHAWA TIDAK LAMA LAGI AKU AKAN MENINGGALKAN DUNIA INI."

"OLEH ITU AKU AKAN BERUSAHA SEBAIK-BAIKNYA SUPAYA SETELAH AKU MENINGGAL PUN, KAMU SENTIASA INGAT AKAN PERKARA-PERKARA INI."



"KAMI TIDAK BERGANTUNG KEPADA DONGENG YANG DIREKA-REKA MANUSIA KETIKA MEJELASKAN TENTANG KUASA KRISTUS SERTA KEDATANGANNYA KELAK."

"DENGAN MATA SENDIRI, SAYA MELIHAT KEMEGAHAN DAN KEMULIAAN-NYA."





"PADA MASA LAMPAU, NABI-NABI PALSU MUNCUL DI KALANGAN UMAT ALLAH. DEMIKIAN JUGA GURU-GURU PALSU MUCUL DI KALANGAN KAMU."

"DALAM KETAMAKAN, MEREKA AKAN MEMBERITAHU KAMU APA SAHAJA SUPAYA DIBAYAR UPAH."

"MALAIKAT-MALAIKAT BERDOSA PUN TIDAK TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN ALLAH. DIA MEMBUANG MEREKA KE DALAM NERAKA. DI SITU MEREKA DIRANTAI DI TEMPAT YANG GELAP SEHINGGA HARI PENGADILAN."

"MANUSIA ZAMAN DAHULU PUN TIDAK TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN ALLAH MELALUI BANJIR BESAR, KECUALI NUH DAN KELUARGANYA."

"ALLAH MENYELAMATKAN LOT DARI SODOM, KERANA BERSUSAH HATI MELIHAT PERBUATAN CABUL ORANG JAHAT DI SITU."

"SUPAYA TUHAN BOLEH JUGA MENYELAMATKAN KITA DARI CUBAAN DAN GODAAN, DAN TERUS MENGHUKUM ORANG JAHAT SEHINGGA HARI PENGHAKIMAN."

"GURU-GURU PALSU ITU SEPERTI BINANG BUAS – YANG AKAN DIBINASAKAN BERSAMA ROH-ROH JAHAT DAN PENGUSAJA NERAKA SEBAGAI BAYARAN BAGI DOSA MEREKA."

"MEREKA INI SERUPA DENGAN MATA AIR YANG KERING; UNTUK MEMBUAT KENYATAAN DAN JANJI-JANJI KOSONG; SEPERTI AWAN YANG DITIUP OLEH RIBUT."

"HUKUMAN KEKAL DI DALAM KEGELAPAN MENANTIKAN MEREKA."

"AKU MAHU MENGINGATKAN BAHAWA DI AKHIR ZAMAN AKAN MUNCUL BEBERAPA ORANG YANG KEHIDUPAN MERKA DIKUASAI OLEH HAWA NAFSU DAN MENGEJEK KEBENARAN."

"MEREKA SENGAJA LUPA BAHAWA TUHAN PERNAH MEMUSNAHKAN DUNIA DENGAN BANJIR YANG DASYAT."

"JANGAN LUPA - DI SISI TUHAN, SATU HARI TIDAK ADA BEZANYA DENGAN SERIBU TAHUN - SERIBU TAHUN SAMA SEPERTI SEHARI."

"HARI KEDATANGAN TUHAN AKAN TIBA SEPERTI PENCURI. LANGIT AKAN LENYAP DENGAN BUNYI GEMURUH, BENDA-BENDA DI LANGIT AKAN TERBAKAR DAN MUSNAH."

"OLEH ITU KAMU HARUS SENTIASA HIDUP SUCI DAN KHAS UNTUK ALLAH!"

"INGATLAH TUHAN."^[1]

"HENDAKLAH KAMU SEMAKIN MENGHAYATI KASIH YESUS KRISTUS, TUHAN DAN PENYELAMAT KITA, DAN HENDAKLAH KAMU JUGA SEMAKIN MENGENAL DIA."

"MARILAH KITA MEMUJI DAN MEMULIAKAN KRISTUS, SEKARANG DAN SELAMA-LAMANYA! AMIN."

^[1] MENURUT TRADISI, PETRUS HARUS MENYAKSIKAN ISTERINYA DISALIBKAN LALU MENGGALAKKAN BELIAU DENGAN KATA-KATA INI.

YOHANES MERUPAKAN SATU-SATUNYA RASUL YESUS KRISTUS YANG MASIH HIDUP KETIKA SURAT INI DITULIS PADA SEKITAR 90-95M, SEBELUM BERLAKU PENGANIAYAAN OLEH ROMA DI BAWAH PEMERINTAHAN MAHARAJA DOMITIAN.

I, II, III YOHANES

I, II, III YOHANES

RASUL YOHANES MENULIS SURAT INI KEPADA GEREJA DI ASIA KECIL UNTUK MENGUTARAKAN TAHAP AWAL BAGI GNOSTIKISME. ^[1]

^[1] GNOSTIKISME MENGAJAR BAHAWA YESUS BUKAN JELMAAN TUHAN TETAPI HANYA MEMILIKI TUBUH. MEREKA PERCAYA BAHAWA TUBUH ITU JAHAT SUPAYA SESEORANG BOLEH BERDOSA TANPA MEMBERI KESAN KEPADA ROH.

"INILAH BERITA DARI TUHAN KEPADA KITA - ALLAH ITU CAHAYA, DAN PADA-NYA TIDAK ADA KEGELAPAN SAMA SEKALI."


"JIKA KITA MENGAKU SEBAGAI SAHABAT-NYA PADAHAL KITA HIDUP DALAM KEGELAPAN, MAKA KITA BERDUSTA."

KRISTUS SUDAH ADA SEJAK PERMULAAN - TETAPI SAYA SENDIRI SUDAH MELIHAT DAN MENDENGAR DIA. AKU SUDAH MENYENTUHNYA DENGAN TANGAN. DIALAH FIRMAN ALLAH YANG HIDUP.



"AKU MENULIS SURAT INI, SUPAYA KAMU TIDAK BERDOSA."

"TETAPI JIKA SESEORANG BERDOSA, KITA EMPUNYAI SEORANG PEMBELA, IAITU YESUS KRISTUS YANG ADIL. DIA AKAN MEMOHON BAGI KITA DI HADAPAN BAPA."



"SESIAPA PUN BOLEH BERKATA, 'AKU SEORANG KRISTIAN' NAMUN JIKA DIA TIDAK MELAKUKAN KEHENDAK YESUS, MAKA DIA BERDUSTA."

"DENGAN CARA INILAH KITA MENGETAHUI SAMA ADA KAMU KRISTIAN SEJATI."




"AKU MENULIS KEPADA KAMU, BAPA-BAPA, AKU KERANA KAMU KENAL AKAN DIA YANG TELAH ADA SEJAK PERMULAAN. ORANG MUDA, KERANA KAMU SUDAH MENGALAHKAN IBLIS."



"AKU MENULIS SURAT INI KEPADA KAMU KERANA DOSA-DOSAMU SUDAH DIAMPUNI DALAM NAMA YESUS."

"AKHIR ZAMAN SUDAH DEKAT, MUSUH KRISTUS AKAN DATANG - MALAH BANYAK ORANG SEDEMIKIAN SUDAH MUNCUL."

"OLEH ITU KITA TAHU BAHAWA AKHIR ZAMAN SUDAH DEKAT."



I YOHANES 2-3:2



"KETAHUILAH BAHAWA ALLAH BAPA SANGAT MENGASIHI KITA! DIA AMAT MENGASIHI KITA, SEHINGGA KITA DIAKUI SEBAGAI ANAK-ANAK ALLAH!"

"TETAPI KETAHUILAH, APABILA KRISTUS DATANG, KITA AKAN MENJADI SEPERTI DIA."

"JIKA KAMU BOLEH MELAKUKAN HAL YANG BAIK, INI KERANA KAMU ADALAH BAIK SEPerti YESUS."

"SESIAPA YANG TERUS-MENERUS BERBUAT DOSA, DIA MENOLAK TIDAK PERNAH MELIHAT KRISTUS ATAUPUN MENGENAL DIA."

"KITA TAHU BAHAWA KITA HIDUP KEKAL, KERANA KITA MENGASIHI SAUDARA-SAUDARA KITA."

"SESIAPA YANG TIDAK MENGASIHI SAUDARANYA, MASIH DIKUASAI KEMATIAN."



"JIKA HATI NURANI KITA TULUS, KITA DAPAT MENGHADAP ALLAH DENGAN PENUH KEBERANIAN., MENERIMA APA YANG KITA MINTA DARIPADA-NYA, KERANA KITA TAAT DAN MENYENANGKAN HATI-NYA."

"JANGANLAH PERCAYA KEPADA SEMUA ORANG YANG MENGAKU BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI ROH ALLAH - UJULAH MEREKA."



"SESIAPA MENGAKUI YESUS KRISTUS DATANG KE DUNIA SEBAGAI MANUSIA, ORANG ITU MEMPUNYAI ROH YANG DATANG DARIPADA ALLAH."

"KITA TIDAK PERLU TAKUT - KASIH YESUS YANG SEMPURNA MELENYAPKAN SEGALA KETAKUTAN MENGHADAPI HUKUMAN - KERANA ALLAH MENGASIHI KITA TERLEBIH DAHULU."

"JIKA SESEORANG BERKATA, 'AKU MENGASIHI ALLAH,' TETAPI DIA MEMBENCI SAUDARANYA, ORANG ITU PENDUSTA."

"JIKA SESEORANG TIDAK MENGASIHI SAUDARANYA YANG DILIHATNYA, MANA MUNGKIN DIA DAPAT MENGASIHI ALLAH?"





"JIKA KITA MENGASIHI ALLAH, KITA MENTAATI PERINTAH ALLAH DENGAN MUDAH."

"SETIAP ANAK ALLAH DAPAT MENAATI DIA DAN MENGALAHKAN KEINGINAN DUNIA INI DENGAN IMAN KITA."



"SIAPAKAH DAPAT MENGALAHKAN DUNIA INI KALAU BUKAN ORANG YANG PERCAYA BAHAWA YESUS ANAK ALLAH?"

"ROH ALLAH SENDIRI BERSAKSI MELALUI SUARA DARI SYURGA KETIKA DIA DIBAPTIS DAN KETIKA MENGHADAPI KEMATIAN."



"KITA PERCAYA KEPADA KESAKSIAN MANUSIA; APATAH LAGI KESAKSIAN ALLAH SENDIRI."

"DAN ALLAH MENGISYTHARKAN BAHAWA YESUS ADALAH ANAK-NYA."



"TIDAK SEORANG PUN ANAK-ANAK ALLAH YANG TERUS-MENERUS BERBUAT DOSA, KERANA ANAK ALLAH MELINDUNGINYA DAN IBLIS TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA TERHADAPNYA."

"ANAK-ANAKKU, JAUHKANLAH DIRI KAMU DARIPADA BERHALA YANG DAPAT MENGGANTIKAN TAKHTA TUHAN DI HATIMU. AMEN."

SURAT KEDUA DARI SATU-SATUNYA RASUL YANG MASIH HIDUP,
YOHANES, SEKITAR 90-95M.

TEMA – PENERANGAN TENTANG BATAS-BATAS
PELAYANAN KRISTIAN.



TUBUH YESUS ITU
HANYA SEOLAH-OLAH BENAR –
ROHNYA SUDAH MENINGGAL-
KAN DIA SEBELUM
PENYALIBAN.




GNOSTIKISME ^[1] SEDANG MULA
BERKEMBANG DI KALANGAN GEREJA,
SEPERTI YANG DIJANGKA PAULUS.

^[1] MENYANGKAL KEMANUSIAAN KRISTUS DAN
PERCAYA BAHAWA TUBUH ITU JAHAT DAN MEREA
MEMPUNYAI KEBENARAN YANG LEBIH TINGGI.


GEREJA AWAL BERSEKUTU DI RUMAH-RUMAH DAN
GURU-GURU PALSU MENGAMBIL KESEMPATAN KE ATAS
ORANG-ORANG KRISTIAN LALU MENYEBARKAN INJIL PALSU.



"SEMOGA ALLAH BAPA DAN YESUS KRISTUS, ANAK BAPA
ITU MENGURNIAI KITA BERKAT, RAHMAT, DAN
KESEJAHTERAAN. SEMOGA KITA MEMILIKI SEMUA ITU
DENGAN HATI YANG TULUS DAN DENGAN KASIH."



"SAYA SANGAT GEMBIRA KERANA MENGETAHUI BEBERAPA ORANG
ANTARA ANAK-ANAK PUAN HIDUP MENURUT AJARAN ALLAH,
SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN OLEH ALLAH BAPA KEPADA KITA."





"SAYA MAHU MENGINGATKAN KAMU AKAN PERINTAH INI TELAH DIBERIKAN TUHAN - PENGIKUT KRISTUS HARUS SALING MENGASIHI."

"JIKA KITA MENGASIHI TUHAN, KITA AKAN MENURUT PERINTAH ALLAH IAITU MENGASIHI SATU SAMA LAIN."



"BERWASPADALAH KERANA BANYAK PENIPU TELAH PERGI KE SELURUH DUNIA. MEREKA TIDAK MENGAKUI YESUS KRISTUS DATANG KE DUNIA SEBAGAI MANUSIA."

"ORANG SEMACAM ITU PENIPU DAN MUSUH KRISTUS."



OLEH ITU, JIKA SESIAPA DATANG DAN MEMBERITAKAN AJARAN YANG TIDAK DIAJARKAN OLEH KRISTUS, JANGANLAH SAMBUT DIA KE DALAM RUMAH - SUPAYA TIDAK MENJADI SUBAHAT DALAM PERBUATANNYA YANG JAHAT.^[1]

^[1] TINDAKAN KASIH HARUS SENTIASA DIPIMPIN OLEH KEBENARAN FIRMAN. KEBENARANLAH YANG MENENTUKAN BATAS-BATAS KASIH DAN KESATUAN.



"BERWASPADALAH DAN BERUSAHAHALAH SUPAYA PUAN DAN ANAK-ANAK PUAN MENERIMA PAHALA SEPENUHNYA DARIPADA ALLAH."


BETUL KAH...?

"SESIAPA YANG TIDAK BERPEGANG KEPADA AJARAN KRISTUS TETAPI MELAMPAUI AJARAN ITU, TIDAK MEMPUYAI ALLAH."



"SESIAPA YANG BERPEGANG KEPADA AJARAN ITU, MEMPUYAI ALLAH."

"DAN KAMU AKAN MEMPUYAI ALLAH BAPA DAN ANAK."



"BANYAK LAGI YANG HENDAK SAYA KATAKAN, TETAPI LEBIH BAIK TIDAK MELALUI SURAT. SEMOGA KITA BERJUMPA TIDAK LAMA LAGI."

SURAT KETIGA MERUPAKAN SURAT YANG CUKUP PERIBADI DI ANTARA SURAT-SURAT YOHANES. IA DITULIS UNTUK SEORANG YANG BERNAMA GAYUS BERKENAAN TENTANG MELAYANI PENGINJIL-PENGINJIL KRISTIAN.



PADA SURAT SEBELUMNYA, YOHANES MENGAJAR SUPAYA TIDAK MEMBERIKAN PELAYANAN KEPADA GURU PALSU – TETAPI SURAT INI MENGGALAKKAN SUPAYA GURU-GURU INJIL YANG BENAR DILAYANI DENGAN BAIK.



GAYUS, SAHABAT YANG AKU KASIH!! SEMOGA KAMU SIHAT, SEPERTI JIWAMU PUN SIHAT.

KU SANGAT BERSUKACITA MENDENGAR BETAPA SETIANYA KAMU KEPADA ALLAH YANG BENAR. KAMU MEMANG SENTIASA HIDUP MENURUT AJARAN ALLAH.

TIDAK ADA YANG LEBIH MENGGEMBIRAKAN AKU DARIPADA MENDENGAR BAHAWA ANAK-ANAKKU HIDUP MENURUT AJARAN ALLAH.



KAMU MELAKUKAN PEKERJAAN TUHAN DENGAN MENJAGA KEBAIKATAN GURU DAN PENGINJIL – MEREKA TELAH MENCERITAKAN KASIH DAN KEBAIKATANMU.



"MEREKA BERANGKAT TANPA MENERIMA BANTUAN APA-APA PUN DARIPADA ORANG YANG TIDAK MENGENAL ALLAH."

"KITA MESTI MENOLONG ORANG SEPERTI ITU SUPAYA KITA DAPAT MENJADI RAKAN SEKERJA DALAM PEKERJAAN ALLAH."



"AKU SUDAH MENULIS SEPUCUK SURAT YANG PENDEK KEPADA JEMAAH, TETAPI DIOTREFES TIDAK MAHU MENURUT KATA-KATAKU."

DIA INGIN MENJADI PEMIMPIN JEMAAH! JANGANLAH KITA MENDENGAR ORANG BODOH ITU.



"DIA TIDAK MAHU MENERIMA SAUDARA-SAUDARA PENGINJIL. BAHKAN DIA MENGHALANGI ORANG YANG MAHU MENYAMBUUT SAUDARA-SAUDARA ITU, DAN BERUSAHA UNTUK MENGHALAU MEREKA KELUAR DARIPADA JEMAAH!"

"JANGANLAH TIRU APA YANG BURUK, TETAPI TIRULAH APA YANG BAIK."



DAN KATAKANLAH KEPADA ORANG TUA BODOH ITU SUPAYA MENJAUHKAN PENGEMIS-PENGEMIS ALIM DARI SINI - KITA MEMPUYAI GURU SENDIRI.



SESIAPA BERBUAT BAIK, DIA MILIK ALLAH. SESIAPA BERBUAT JAHAT, DIA BELUM MENGENAL ALLAH.

AKU BERHARAP DAPAT SEGERA BERJUMPA DENGANMU, LALU KITA DAPAT BERBINCANG.

SEMUA SAHABATMU DI SINI MENGIRIM SALAM. SAMPAIKAN SALAMKU KEPADA SEMUA SAHABAT DI SANA SEORANG DEMI SEORANG.

YUDAS ADALAH SAUDARI TIRI YESUS KRISTUS.

KETIKA YESUS MASIH HIDUP, DIA TIDAK PERCAYA BAHAWA YESUS ITU MESIAS – TETAPI SETELAH KEBANGKITAN YESUS, DIA MENJADI PENGIKUT KRISTUS SERTA MENJADI PEMIMPIN GEREJA AWAL.

PADA AWALNYA DIA MAHU MENULIS TENTANG KESELAMATAN TETAPI AKHIRNYA MENULIS TENTANG MASALAH YANG LEBIH BESAR DI GEREJA – GURU-GURU PALSU.

...HATIKU TERGERAK
UNTUK MENGGALAKAN KAMU
SUPAYA TERUS BERJUANG
MEMPERTAHAKAN KEBENARAN
FIRMAN YANG DIBERIKAN ALLAH
SEKALI SAHAJA KEPADA
UMAT-NYA UNTUK SELAMA-
LAMANYA.

BEBERAPA ORANG
DERHAKA SUDAH
MENYELUDUP MASUK TANPA
KITA SEDARI LALU
MENGATAKAN BAHAWA KITA
BOLEH MELAKUKAN SESUKA
HATI – TANPA TAKUT AKAN
HUKUMAN TUHAN.

ALKITAB TELAH
MENULISKAN HUKUMAN
YANG MENANTI – KERANA
MEREKA TIDAK MENGAKUI
YESUS KRISTUS, PENGUSAHA
SATU-SATUNYA DAN TUHAN
KITA.



"INGATLAH - TUHAN MENYELAMATKAN
UMAT ISRAEL DARI NEGERI MESIR TETAPI
MEMBINASAKAN MEREKA YANG TIDAK
PERCAYA."

"INGATLAH MALAIKAT-MALAIKAT YANG
MENINGGALKAN TEMPAT KEDIAMAN
MEREKA -ALLAH MEMBELENGGU
MEREKA DENGAN RANTAI ABADI, DI
TEMPAT YANG GELAP DI BAWAH BUMI -
SEHINGGA HARI KIAMAT."

"INGATLAH SODOM, GOMORA, DAN BANDAR-BANDAR DI
SEKITARNYA YANG MELAKUKAN PERBUATAN CABUL DAN LUCAH."

"MEREKA DIMUSNAHKAN OLEH API YANG KEKAL -
SATU AMARAN BAGI SEMUA ORANG."



"GURU-GURU PALSU INI JUGA
HIDUP DALAM KEKEJIAN."

"MEREKA BERSOSA TERHADAP TUBUH SENDIRI,
MENGHINA KUASA ALLAH DAN MENCACI
MAKHLUK-MAKHLUK MULIA DI SYURGA."

"MIKHAEL, KETUA MALAIKAT ITU PUN, KETIKA
BERTENGKAR DENGAN IBLIS JENAZAH MUSA,
MIKHAEL TIDAK BERANI MENGUTUK IBLIS DENGAN
KATA-KATA HINAAAN."

TUHAN
MENENGGING
KAMU!

"TETAPI MEREKA INI MENGHINA PERKARA-PERKARA
YANG TIDAK MEREKA FAHAM! SEPERTI BINATANG YANG
TIDAK BERAKAL, MEREKA MENURUT NALURI SENDIRI
DAN ITU MEMBINASAKAN MEREKA."



"ALANGKAH MALANGNYA MEREKA!
MEREKA TELAH MENGIKUT JALAN YANG
DITEMPUH OLEH KAIN."

"SEPERTI BILEAM, MEREKA TELAH
MEMBABITKAN DIRI DENGAN KESESATAN
DEMI WANG."

"MEREKA DIBINASAKAN KERANA
MEMBERONTAK SEPERTI KORAH."

"KEHADIRAN MEREKA MENCEMARKAN
PERJUMPAAN MAKAN BERSAMA GEREJA."

"MEREKA SEPERTI POKOK YANG
TIDAK MENGHASILKAN BUAH."

"MEREKA SEPERTI OMBAK GANAS DI LAUT, YANG MEMBUHIKAN PERBUATAN MEMALUKAN."

"MEREKA SEPERTI BINTANG MENGEMBARA, YANG TEMPATNYA TELAH DISEDIAKAN OLEH
ALLAH DALAM KEGELAPAN YANG PALING DAHSYAT UNTUK SELAMA-LAMANYA."

"HENOKH, KETURUNAN KETUJUH DARIPADA ADAM, DAHULU PERNAH BERNUBUAT TENTANG MERKA..."

LIHATLAH!
TUHAN AKAN DATANG
DENGAN BERIBU-RIBU
MALAIKAT-NYA YANG
SUCI.

"DIA AKAN MENGADILI SEMUA ORANG DAN
MENGHUKUM ORANG DERHAKA KERANA PERBUATAN
DERHAKA MERKA DAN SEMUA KATA HINAAN YANG
DIUCAPKAN MERKA TERHADAP-NYA!"

MEREKALAH
ORANG YANG
MEMECAH-BELAH
JEMA'AH.

MEREKA
TIDAK DIPIMPIN
OLEH ROH ALLAH,
TETAPI DIKUASAI
OLEH KEINGINAN
SENDIRI.

MEREKA INI BERSUNGUT-SUNGUT DAN
MENYALAHKAN ORANG LAIN. MERKA MENURUTI
NAFSU JAHAT.

MEREKA MEMUJI-MUJI DIRI SENDIRI DAN
MENGANGKAT-ANGKAT ORANG LAIN UNTUK
MENDAPAT KEUNTUNGAN."

INGATLAH KATA
RASUL-RASUL YESUS KRISTUS -
BAHAWA PADA AKHIR ZAMAN AKAN
MUNCUL ORANG YANG MEMPER-
OLOK-OLOKKAN KAMU DAN SUKA
MENGIKUTI KEINGINAN
BERDOSA.

"TETAPI KAMU, SAUDARA-SAUDARAKU - BINA HIDUP YANG BERDASARKAN IMAN DALAM KRISTUS. DAN BERDOALAH DENGAN PIMPINAN ROH ALLAH."

"SEMENTARA MENANTIKAN HIDUP SEJATI DAN KEKAL DARI YESUS KRISTUS - BANTULAH MEREKA YANG BERBAHAS DENGAN KAMU DAN BERBELAS KASIHAN KEPADA YANG KURANG KEYAKINAN."

"TARIKLAH ORANG KELUAR DARI API NERAKA DAN SELAMATKANLAH MEREKA."

"SESETENGAH ORANG MENEMUI KRISTUS MELALUI KEBAIKAN YANG MEREKA TERIMA - BENCILAH AKAN DOSA TETAPI TUNJUKKAN BELAS KASIHAN KEPADA PENDOSA."

"SEGALA KEMULIAAN BAGI ALLAH SAHAJA."

"DIA AKAN MENJAGA KAMU SUPAYA TETAP BERIMAN, DAN MEMBAWA KAMU KE HADIRAT-NYA YANG MULIA."



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV